

U B291 AAB
MAHATHIR - PAS R R R

BAGAN SERAI, 8 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU PENYOKONG-PENYOKONG PAS SUPAYA BERFIKIR SEJENAK SAMA ADA MEREKA TELAH DITIPU OLEH PARA PEMIMPIN PARTI ITU YANG TELAH DISELEWENGGAN DARIPADA PERJUANGAN ASAL MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA PENGIKUT-PENGIKUT PAS HARUS BERTANYA DIRI SENDIRI SAMA ADA PARTI ITU MASIH BERJUANG UNTUK MENEGAKKAN NEGARA ISLAM APABILA PARA PEMIMPIN MEREKA SANGGUP BEKERJASAMA DENGAN DAP YANG TELAH PUN MENYATAKAN SECARA TERANG PENDIRIAN MEREKA MENOLAK SEBUAH NEGARA ISLAM.

+TANYALAH HATI KECIL SENDIRI SAMA ADA PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS SEPERTI HAJI HADI AWANG DAN FADZIL NOR MASIH BERPEGANG KEPADA PRINSIP PERJUANGAN PARTI,+ KATA BELIAU KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS PERJUMPAAN RAKYAT DI PADANG SEKOLAH MENENGAH BAGAN SERAI DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARA PEMIMPIN PAS TELAH MENYELEWENG DARIPADA PRINSIP PERJUANGAN MEREKA KERANA MEMBIARKAN DIRI DIPENGARUHI OLEH SEORANG PEMIMPIN +AGUNG+ SEMANGAT 46.

KATANYA DAHULU PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS YANG SAMA TELAH MENGKAFIRKAN ORANG UMNO KERANA BEKERJASAMA DENGAN ORANG BUKAN ISLAM DALAM MCA, GERAKAN DAN MIC TETAPI, MENURUT BELIAU, UMNO BEKERJASAMA DENGAN PARTI-PARTI ITU KERANA MEREKA TIDAK MEMUSUHI ORANG MELAYU DAN ISLAM, TIDAK SEPERTI DAP YANG TERANG-TERANG MAHUKAN PEMERINTAHAN SEKULAR. -- LAGI

1746MST 08 07 90

U B296 AAB
MAHATHIR - PAS 2 BAGAN SERAI

KATANYA PARA PEMIMPIN PAS TERMAKAN CAKAP PEMIMPIN SEMANGAT 46, KONONNYA MEREKA BOLEH MENEGAKKAN SEBUAH KERAJAAN MENERUSI SEBUAH GABUNGAN ANGKATAN PERPADUAN UMMAH (ANGKATAN) DAN DAP.

+MENGIKUT PEMIMPIN 46 ITU, MEREKA BOLEH MEMBENTUK KERAJAAN KERANA AKAN MEMENANGI SEJUMLAH 95 KERUSI IAITU 40 OLEH PARTINYA, 25 PAS DAN 30 DAP,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

SEKALIPUN MEREKA BERJAYA MENUBUHKAN KERAJAAN, JUMLAH KERUSI TERSEBUT TIDAK AKAN MENJAMIN PENUBUHAN SEBUAH KERAJAAN YANG KUKUH MALAH AKAN MENGHADAPI PERPECAHAN AKIBAT UGUT-MENGUGUT SESAMA SENDIRI UNTUK KEPENTINGAN PARTI Masing-masing, TAMBAHNYA.

KERAJAAN YANG SEDEMikian, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, BUKAN SAHAJA TIDAK AKAN DAPAT MENTADBIR NEGARA DENGAN BAIK MALAH TIDAK BERUPAYA MENJAMIN PERPADUAN DAN KESTABILAN NEGARA. -- LAGI

1754MST 08 07 90

U B297 AAB
MAHATHIR - PAS 3 BAGAN SERAI

PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA MEMERLUKAN SEBUAH KERAJAAN YANG KUAT DENGAN KELEBIHAN KERUSI DUA PERTIGA BAGI MENJAMIN KERAJAAN BERKENAAN TIDAK TAKUT-TAKUT UNTUK BERTINDAK BAGI KEPENTINGAN NEGARA.

BELIAU MENGULANGI PERASAAN KHUATIRNYA BAHAWA RUSUHAN KAUM DAN KACAU BILAU BOLEH BERULANG SEKIRANYA NEGARA DITADBIR OLEH SEBUAH KERAJAAN YANG LEMAH.

+SAYA TIDAK AKAN MEMINTA MAAF PADA SESIAPA PUN APABILA MENYEBUT PERISTIWA HITAM 13 MEI KERANA TUJUAN SAYA BUKANLAH UNTUK MENAKUT-NAKUTKAN RAKYAT.

+TETAPI PERISTIWA ITU BOLEH BERULANG SEKIRANYA KITA LALAI DAN LUPA BETAPA PENTING SEBUAH KERAJAAN YANG KUAT BAGI MENGELAKKAN KEJADIAN BURUK SEPERTI ITU,+ KATANYA. -- BERNAMA

1755MST 08 07 90

D609

U B302 AAB

MAHATHIR - PAS 4 BAGAN SERAI (SAMBUNGAN BERITA AWAL) R R R

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BAHAWA BARISAN NASIONAL (BN) TIDAK TAKUT UNTUK MENGHADAPI PILIHANRAYA BAGI DIADILI OLEH RAKYAT.

KATANYA BN MAHU TERUS MENEGAKKAN SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN RAJA BERPERLEMBAGAAN WALAUPUN BANYAK NEGARA YANG SAMA-SAMA MENCAPAI KEMERDEKAAN TELAH BERALIH KEPADA SISTEM SATU PARTI.

+DEMOKRASI MEMANG SUKAR DIAMALKAN BERBANDING SISTEM PEMERINTAHAN SATU PARTI TETAPI MALAYSIA TERUS BERJAYA MENGAMALKAN SISTEM PELBAGAI PARTI KERANA BN TIDAK TAMAKKAN KUASA,+ KATANYA.

MALAHAN, KATA PERDANA MENTERI, BARU-BARU INI PENDAFTAR PERTUBUHAN TELAH MELULUSKAN PENUBUHAN BEBERAPA BUAH PARTI POLITIK DAN KERAJAAN MEMBENARKAN AKHBAR-AKHBAR TERBITAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG TERUS DITERBITKAN.

+KITA TIDAK TAKUT SEPERTI SEBUAH PARTI YANG BERTINDAK MEMULAUKAN AKHBAR-AKHBAR SUPAYA PENGIKUT-PENGIKUT MEREKA HANYA MENDENGAR PENDAPAT MEREKA SAHAJA,+ KATANYA. -- LAGI
1821MST 08 07 90

D610

U B303 AAB

MAHATHIR - PAS 5 BAGAN SERAI

MENGENAI PEMIMPIN-PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA, BELIAU BERKATA MEREKA TIDAK PERLU BERUNDING DENGAN KERAJAAN MENGENAI ISU SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) SEBALIKNYA MENYATAKAN SOKONGAN MEREKA SUPAYA KEMUDAHAN ITU DIKEKALKAN.

+APA YANG HENDAK DIRUNDINGKAN LAGI?+ KATA BELIAU SAMBIL MENYEBUT BAHAWA PARA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA DARIPADA DAP SEBENARNYA BERADA DALAM KEADAAN SERBA SALAH KERANA RAKYAT SUDAH SEDAR TENTANG GSP DAN FAEDAHNYA KEPADA KAUM PEKERJA. -- BERNAMA
1822MST 08 07 90